
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HIT 512 – ANALISIS KRITIS MATAN HADITH

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja.

1. [a] Bincangkan secara kritis tentang keperluan kepada keaslian sumber matan sesebuah hadith.
[50markah]
- [b] Huraikan keistimewaan matan hadith daripada aspek-aspek berikut:
- [i] Sebagai sebahagian daripada wahyu.
[25 markah]
- [ii] Sebagai memenuhi keperluan *maqasid al-syari'ah*.
[25 markah]
2. [a] Bincangkan secara kritis pensabitan hadith *ahad* sebagai hujah kepada akidah Islam.
[50markah]
- [b] Huraikan kedudukan hadith-hadith *mutawatir ma'nawi* sebagai sumber hukum-hakam syara'.
[50markah]
3. [a] Bagi menerima sesebuah hadith *ahad*, para ulama hadith sepakat mengenakan empat syarat. Bincangkan.
[30 markah]
- [b] Huraikan EMPAT hujah golongan yang menolak hadith *ahad*.
[35 markah]
- [c] Huraikan EMPAT hujah golongan yang menerima hadith *ahad* sebagai dalil syara' yang muktabar.
[35 markah]
4. [a] Bincangkan secara terperinci sejauhmana boleh berlakunya pemansuhan hukum dalam hadith-hadith nabi.
[35 markah]

- [b] Bincangkan sebab-sebab berlakunya pertembungan kefahaman maksud matan-matan hadith. [30 markah]
- [c] Bincangkan kriteria tafsiran Quran dengan hadith, hadith dengan hadith dan hadith dengan Quran. [35 markah]
5. [a] Bincangkan konsep *al-mu'talif wa al-mukhtalif* . [50 markah]
- [b] Huraikan kedudukan hadith-hadith *mutawatir lafzi*. [25 markah]
- [c] Huraikan tafsiran hadith dengan pandangan sahabat. [25 markah]